

Malaysia, AS capai perjanjian perdagangan 17 perkara

Perjanjian Perdagangan Timbal Balas perkukuh hubungan ekonomi dua hala

Oleh Adha Ghazali, Zanariah Abd Mutalib, Mohd Nasaruddin Parzi, Alzahrin Alias, Farah Marshita Abdul Fatah dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia mencapai persetujuan mengenai Perjanjian Perdagangan Timbal Balas bagi memperkukuh hubungan ekonomi dua hala, yang akan memberi akses pasaran belum pernah berlaku sebelum ini kepada pengeksport kedua-dua negara.

Perjanjian itu ditandatangani Presiden AS, Donald Trump dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di luar Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Menurut kenyataan bersama Kerajaan AS dan Malaysia yang dikeluarkan oleh Rumah Putih, perjanjian ini akan dibina berasaskan hubungan ekonomi jangka panjang antara kedua-dua negara, termasuk Perjanjian Rangka Kerja Pelaburan Perdagangan AS-Malaysia yang ditandatangani pada 2004.

Kenyataan itu menjelaskan, terma utama Perjanjian Perdagangan Timbal Balas antara AS dan Malaysia, termasuk komitmen di pihak Malaysia untuk memberikan akses pasaran ke-



Anwar dan Trump bersama pemimpin ASEAN sempena Sidang Kemuncak ASEAN-AS ke-13 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

utamaan yang besar bagi eksport barangan perindustrian dari AS.

Ini termasuk bahan kimia, jentera dan peralatan elektrik, logam, serta kenderaan penumpang.

Pasaran eksport pertanian AS Malaysia juga akan membuka pasaran bagi eksport pertanian AS seperti hasil tenusu, produk hortikultur, ayam, produk proses, minuman, daging khinzir, beras, dan etanol bahan api.

"Komitmen AS pula adalah mengekalkan tarif timbal balas pada kadar 19 peratus seperti yang ditetapkan dalam Perintah Eksekutif 14257 bertarikh 2 April 2025 (serta pindaan kemudiannya) terhadap barangan yang berasal dari Malaysia.

"AS juga mengenai pasti produk dalam Lampiran III Perintah Eksekutif 14346 bertarikh 5 September 2025 (Pelarasan Tarif Potensi untuk Rakan Sejajar) untuk menerima kadar tarif timbal ba-

las sifat peratus," katanya.

Kenyataan itu menambah, Malaysia bersetuju untuk menangani halangan bukan tarif yang menjejaskan perdagangan dua hala dalam sektor perindustrian utama.

Ini termasuk menerima kenderaan keluaran AS yang dibina mengikut piawaian keselamatan dan pelepasan kenderaan bermotor AS; mempermudah lesen import bagi produk keluli aloi, paip, dan barangan berasaskan keluli dari AS; memperkemas keperluan halal bagi produk seperti kosmetik, farmaseutikal dan peranti perubatan serta menangani kebimbangan AS terhadap prosedur penilaian pematuhan.

Malaysia akan menangani dan mencegah halangan bukan tarif terhadap produk makanan dan pertanian AS di pasaran tempatan, termasuk menerima sijil yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan AS; memperkemas keperluan halal dan pendaftaran fasiliti bagi memu-

dahkan import serta melaksanakan pengiktirafan wilayah di AS bagi penyakit haiwan.

Malaysia bersetuju untuk mengamalkan dan mengekalkan tahap perlindungan alam sekitar yang tinggi serta menguatkuasakan undang-undang alam sekitar dengan berkesan, termasuk mengambil tindakan terhadap pembalakan haram, subsidi perikanan, penangkapan ikan haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal (IUU) serta perdagangan hidupan liar haram.

Malaysia bersetuju meningkatkan penguatkuasaan terhadap pasaran yang terlibat dalam pemalsuan dan cetak rompak.

Malaysia komited untuk mencegah buruh paksa serta mengekalkan pastu dan menangani pelanggaran undang-undang buruh dalam sektor yang berisiko tinggi terhadap buruh paksa dan buruh kanak-kanak.

Kedua-dua negara memuktamadkan komitmen Malaysia un-

tuk menangani halangan dalam perdagangan digital, perkhidmatan dan pelaburan.

Malaysia bersetuju untuk tidak mengenakan cukai perkhidmatan digital yang mendiskriminasi syarikat AS atau mewajibkan platform media sosial dan penyedia perkhidmatan awan AS membayar ke dalam dana domestik Malaysia; membenarkan pemindahan data rentas sempadan yang dipercayai dengan perlindungan sewajarnya; menyokong moratorium tetap terhadap duti kastam atas penghantaran elektronik di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO); serta menghapuskan sekatan siaran daratan terhadap program AS.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk menangani isu perlindungan dan penguatkuasaan harta intelek, kemudahan kastatn dan perdagangan, amalan pengawalseliaan yang baik, serta tingkah laku mengganggu pasaran oleh syarikat milik kerajaan.